

0200013039

SISTEM WARISAN PUSAKA
PERBANDINGAN ANTARA UNDANG-UNDANG
ISLAM DAN
ADAT PERPATIH

MOHD SALLEHUDDIN BIN MAARUF

KERTAS PROJEK INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT MEMPEROLEH
IJAZAH SARJANA MUDA UNDANG-UNDANG
DENGAN KEPUJIAN

FAKULTI UNDANG-UNDANG
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
BANGI

PENGAKUAN

“Saya akui bahawa karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan-nukilan dan ringkasan-ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.”

.....

.....

MOHD SALLEHUDDIN MAARUF

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah s.w.t. kerana dengan limpah kurnianya penulis dapat menyiapkan kajian yang tidak seperti ini dengan penuh ketabahan dan ketekunan.

Penulis ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada penyelia-penyelia yang terlibat iaitu Encik Shamsudin Shor, Puan Noraziah Hj. Mohd Awal dan Dr. Ali Baharun, kesemuanya pensyarah Fakulti Undang-undang Universiti Kebangsaan Malaysia, atas nasihat, bimbingan dan tunjuk ajar yang telah diberikan sehingga kajian ini dapat disiapkan.

Penghargaan juga ditujukan kepada pihak Perpustakaan undang-undang, Perpustakaan Tun Seri Lanang dan Perpustakaan Institut Bahasa, Kebudayaan Dan Kesusasteraan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia, yang telah menyediakan kemudahan-kemudahan rujukan yang diperlukan bagi tujuan menyiapkan kajian ini.

Penulis juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang telah memberikan sumbangan dan bantuan, sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam menyiapkan penulisan ini.

Bangi,
10hb Mac, 1990

Mohd Sallehuddin Bin Maaruf

SINOPSIS

Adat Perpatih dan Islam merupakan dua kuasa yang menyusun struktur dan cara hidup masyarakat Melayu di Negeri Sembilan dan Naning di Melaka. Dua kuasa ini pertindanan antara satu sama lain, lantas menimbulkan ketegangan dan percanggahan antara kedua-duanya, khususnya dalam hal perwarisan.

Penulis menggunakan pendekatan perbandingan dalam membicarakan hal perwarisan dengan tumpuan kepada masyarakat Melayu Adat Perpatih di Negeri Sembilan.

Bab I membicarakan tentang latar belakang sejarah perwarisan Islam dan Adat Perpatih. Pemakaian Islam dan adat dalam masyarakat Melayu serta penyesuaian Islam dengan adat turut diperbincangkan dalam bab ini.

Bab II membincangkan tentang konsep harta menurut undang-undang Islam, Adat Perpatih dan undang-undang Sivil serta perbandingan antara ketiga-tiganya.

Bab III memperkatakan perihal unsur-unsur perwarisan dalam undang-undang Islam dan Adat Perpatih dan perbandingan antara kedua-duanya.

Dalam bab IV, beberapa cadangan disyorkan untuk mengatasi masalah-masalah yang wujud dan seterusnya membuka jalan kepada masyarakat untuk melaksanakan sistem Faraid. Akhir sekali, di dalam bab ini juga, penulis membuat rumusan terhadap perbincangan-perbincangan yang telah diadakan dalam bab-bab di atas sebagai kesimpulan kepada penulisan ini.

SYNOPSIS

Adat Perpatih and Islam are the two forces which administered the life and structure of Malay society in Negeri Sembilan and Naning in Malacca. These two forces intermingled with each other, thus produce stress and conflict between each value, especially in the matter of inheritance.

The writer has taken a comparative approach to discuss the discipline of inheritance among Malay society in the state of Negeri Sembilan.

Chapter I contains the historical background of inheritance in Islam and Adat Perpatih. General discussion on the application of Islam and adat in Malay society and Islam being modified to fit adat are also included therein.

Chapter II outlines the concept of estates according to Islamic law, Adat Perpatih and Civil law, together with its comparisons.

Chapter III points out the elements of inheritance in Islam and Adat Perpatih and its comparisons.

In chapter IV, a few suggestions and proposals are advanced to eradicate the existing problems and thus, to steer the society to the use of Islamic law of inheritance. Finally, the said chapter summarizes points from each chapter in view of concluding this writing.

KANDUNGAN

Pengakuan.....	ii
Penghargaan.....	iii
Sinopsis.....	v
Synopsis.....	vii
Daftar Jadual/ Rajah.....	xii
Senarai Singkatan.....	xiii
Senarai Kes.....	xiv
Senarai Statute.....	xv
Pendahuluan.....	xvi
Metodologi Kajian.....	xix

BAB I

1. Sejarah Perundangan Dan Latar Belakang Undang-Undang Warisan Islam.....	1
a) Amalan Adat Sebelum Dan Dalam Islam.....	1
b) Sistem Pusaka Sebelum Islam Dan Pembaharuan- Pembaharuan Islam.....	5
2. Sejarah Perundangan Dan Latar Belakang Adat Perpatih.....	8
a) Asal-Usul Serta Kemasukannya Ke Tanah Melayu (Negeri Sembilan) dan pengaplikasiannya.....	8
b) Sistem Adat Perpatih.....	13
3. Islam Dan Adat Dalam Masyarakat Melayu.....	16
4. Islam Dan Penyesuaiannya Dengan Adat.....	19

BAB II

1. Konsep Harta.....	34
a) Konsep Harta Menurut Islam.....	34
b) Konsep Harta Menurut Adat.....	39
c) Konsep Harta Menurut Undang-Undang Sivil.....	42
2. Perbandingan.....	47

BAB III

1. Unsur-Unsur Perwarisan Islam.....	58
a) Sumber Hukum Islam.....	58
b) Asas Hukum Waris.....	60

c) Harta warisan.....	63
d) Ahli Waris Dan Hak-Hak Mereka.....	65
2. Unsur-Unsur Perwarisan Adat Perpatih.....	79
a) Harta Warisan.....	79
b) Asas Hukum waris.....	83
c) Ahli Waris.....	86
d) Cara Perwarisan.....	89
3. Perbandingan.....	92

BAB IV

1. Masalah Dan Cadangan.....	107
2. Rumusan.....	116
Senarai Rujukan.....	123

Daftar Jadual/ Rajah

1. Rajah 3.1.4 (a) – Ahli Waris
2. Jadual 3.1.4 (b) – Fardu (bahagian) ahli waris.

Senarai Singkatan

Anor	Another
B./ b.	Bin
Bt./ bt.	Binti
Co.	Company
Dr.	Doktor
Dec.	Deceased
Hal.	Halaman
Ibid.	Di tempat yang sama
Jil.	Jilid
JMCL.	Journal of Malaysian Comparative Law
JMBRAS	Journal of Malayan Branch royal Asiatic Society
Lwn.	Lawan
MLJ.	Mapayan Law Journal
MLR.	Malaya Law Review
Op. cit.	Dalam karya tersebut

Senarai Kes

Kiah Bt. Hanapiah lawan Som Bt. Hanapiah (1953) 19 MLJ 82.

Kiah lawan Amah (Taylor: Customary Law of Rembau, 253)

Re Dato' Ngiang Kuloo Kidal Dec. (Taylor: Customary Law of Rembau, 92)

Tan Cheng Hock lawan Chan Thean Soo & Anor (1987) 2MLJ 479.

The Shell Company Of The Federation Of Malaya lawan Commissioner Of The Federal Of Kuala Lumpur (1964) 30 MLJ 302.

United Malayan Banking Corporation lawan Official Receiver And Liquidator Of Soon Hup Seng Sdn. Bhd. (in liquidation) & Anor. (1986) 1 MLJ 75.

Senarai Statute

Akta Pusaka Besar 1955.

Akta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955.

Akta Pindaan Kanun Tanah Negara (Hak Milik Pulau Pinang Dan Melaka) 1965.

Akta Undang-undang Sivil, 1956.

Enakmen Pemegangan Tanah Adat (Customary Tenure Enactment) 1909.

'Interpretation Act' (Consolidated And Revised 1989) 1967.

Kanun Tanah Negara 1965.

Perlembagaan Persekutuan.

Pendahuluan

Setiap masyarakat di dunia ini pasti mempunyai sistem yang tersendiri. Malaysia sendiri tidak dapat lari daripada hakikat ini, malah sistem perundangan Malaysia bersifat lebih unik, kerana ia ditadbirkan melalui beberapa jenis undang-undang seperti undang-undang Sivil (Common Law dan Statute), undang-undang Islam serta undang-undang Adat (seperti Adat Perpatih, Adat Temenggung, Adat 99 Perak dan mendapat pengiktirafan mahkamah dan telah diamalkan sejak berzaman lagi.

Masyarakat Adat Perpatih secara amnya turut membina struktur masyarakat mereka berpandukan kepada ketiga-tiga sumber undang-undang di atas. Sementara dalam hal perwarisan, mereka lebih bertumpu kepada pemakaian adat dan Islam yang telah bertumpu disesuaikan dengan adat.

Sebagaimana tajuk penulisan ini: 'Sistem Warisan Pusaka, Perbandingan Antara undang-Undang Islam Dan Adat Perpatih', penulis cuba mengetengahkan ketegangan atau konflik yang wujud antara kedua-dua sistem ini dan seterusnya cuba memberikan jalan penyelesaian yang sebaik mungkin. Dalam pada itu, penulis mengajak para pembaca amnya dan masyarakat Adat Perpatih khususnya berfikir tentang persoalan ini dan seterusnya mengajak mereka supaya lebih condong kepada pengamalan sistem Faraid Islam. Bagaimanapun, penulis bukan bertujuan untuk menggalakkan masyarakat Adat Perpatih untuk terus meninggalkan adat yang jelas bertentangan dengan adat. Ini adalah kerana penulis percaya bahawa tidak kesemua adat itu bertentangan dengan Islam dan seperkara lagi, Islam sendiri menerima adat yang tidak bertentangan dengannya.

Walaupun terdapat beberapa penulisan berkaitan dengan persoalan yang di bawah ini, namun penulis merasakan tidak banyak perbincangan yang berbentuk akademik mengenainya. Oleh itu penulis telah memilih tajuk itu untuk meluaskan penulisan yang sedia ada dan seterusnya mengekalkan kesinambungannya. Penulis juga berharap agar masyarakat kampus (terutama yang berasal dari Negeri Sembilan) khasnya dapat menghayati penulisan ini sepenuhnya kerana merekalah yang akan menjadi pemimpin dan nadi penggerak kepada masyarakat.

Akhir sekali, penulis memohon maaf jika terdapat sebarang kelemahan dalam menulis dan menyusun penulisan ini, kerana sebagai manusia kerdil, kita tidak sesempurnanya.

Metodologi Kajian

Bagi tujuan memperoleh maklumat yang diperlukan untuk kajian ini, penulis menggunakan dua kaedah utama pengumpulan maklumat, iaitu:

- a) Kaedah temu bual.
- b) Kaedah rujukan sumber bercetak.

A. Kaedah Temu Bual

Kaedah ini merupakan satu kaedah pengumpulan yang penting bagi mendapatkan maklumat terkini, gambaran serta pandangan terhadap soal persoalan kajian ini daripada masyarakat Adat Perpatih di Negeri Sembilan. Kaedah ini bertumpu kepada penduduk setempat di kampung Talang di Kuala Pilah, kampung Sungai Machang Hilir di Mantin, Seremban dan di sekitar daerah Seremban. Penulis memilih ketiga-tiga kawasan ini kerana, penduduk setempatnya mengamalkan Adat Perpatih mengikut tahap darjah yang berlainan.

Keseluruhan kaedah ini dilakukan secara 'informal' kerana sifat persoalan perwarisan yang sensitif. Seperkara lagi, kaedah temu bual secara 'informal' ini lebih memudahkan penulis mendekati penduduk setempat dan seterusnya mendapatkan maklumat dari mereka.

B. Kaedah Rujukan Sumber Bercetak

Penulis merujuk kepada bahan maklumat bercetak yang terdapat di beberapa buah perpustakaan. Perpustakaan yang menjadi tempat rujukan utama ialah Perpustakaan Undang-Undang, Perpustakaan Tun Seri Lanang dan Perpustakaan Institusi bahasa, Kebudayaan Dan Kesusasteraan Melayu. Kesemua perpustakaan di atas terletak di Universiti Kebangsaan Malaysia.

Oleh sebab kajian ini bersifat kajian ini bersifat kajian kepada konsep perwarisan dalam undang-undang (dengan Pengkhususan kepada undang-undang Islam dan Adat Perpatih), maka kebanyakan rujukan lebih bertumpu kepada buku, jurnal, keratan akhbar dan juga kertas kerja seminar yang diadakan.

Bahan-bahan ini bukan sahaja memberi maklumat penting kepada penulis tetapi juga membantu penulis untuk memahami secara lebih terperinci tentang kajian ini.

BAB II

Konsep Harta

1. Konsep Harta Menurut Islam.

Harta dalam Islam dinamakan 'mal'. Secara umumnya, ia bermaksud sebagai suatu benda yang boleh dikuasai dan dimiliki oleh individu umpamanya seperti binatang, tumbuh-tumbuhan atau wang.¹ Ia mestilah bersifat boleh disimpan, dikumpul dan dinikmati faedahnya. Umumnya terdapat tiga pembahagian harta dalam Islam.

Pembahagian pertama adalah:

- a) Harta boleh alih (manqul). Iaitu sejenis harta yang boleh dipindah dari satu tempat ke tempat yang lain, boleh dihapuskan dan sifatnya berkurangan kerana digunakan.² Termasuk di dalamnya ialah:
 - i. 'Makilat', iaitu barang-barang yang pada kebiasaannya dijual melalui kiraan sukatan seperti gandum.
 - ii. 'Maudhurat', iaitu barang yang dijual melalui timbangan seperti emas dan perak.
 - iii. 'Adadiyat' iaitu barang yang dijual melalui bilangan seperti buah-buahan.
 - iv. 'Madhru'at', iaitu barang yang dijual melalui ukuran seperti kain.
 - v. 'Arud', iaitu barang seperti perabot dan binatang.
- b) Harta tak boleh alih (ghairul-manqul). Iaitu setiap benda yang selain daripada harta alih. Termasuk di dalamnya seperti tanah atau segala sesuatu yang melekat kuat padanya.³

Umumnya terdapat tiga kesan hukum terhadap kedua-dua jenis harta di atas:

- a) Harta 'syufa' (pre-emption) tidak akan berlaku melainkan harta yang dijual itu adalah harta tak boleh alih. Sementara wakaf hanya sah terhadap harta tak boleh alih.
- b) Harus bagi orang yang menerima wasiat menjual harta boleh alih seorang kanak-kanak yang belum sampai umur kerana ada maslahat, tapi tidak diharuskan terhadap harta tak boleh alih, kecuali ada alasan yang diharuskan oleh syarak seperti menjual untuk membayar hutang kanak-kanak alih itu dijual dahulu, kemudian barulah dijual harta tak boleh alih.

- c) Abu Hanifah dan Abu Yusuf mengharuskan penggunaan (tasarruf) harta tak boleh alih sebelum berlaku pembayaran dan penerimaan, tapi Muhammad al-Hassan dan al-Syafie tidak mengaharuskannya.

Pembahagian kedua adalah menurut asas jaminan (daman) yang juga terbahagi kepada dua:

- a) Harta 'Mutaqawwim', iaitu harta yang mempunyai nilai barang menurut hukum syarak dan harus diambil manfaatnya serta harta tersebut diusahakan sendiri seperti wang atau tanah.⁴ Bagaimana, barang-barang yang diharamkan seperti arak dan babi tidak diharuskan dinikmati faedahnya, malah diharamkan walaupun ia diusahakan sendiri.⁵
- b) Harta 'Ghairul-Mutaqawwim', iaitu harta yang tidak diusahakan sendiri tapi harus dinikmati faedahnya seperti gajian bumi.

Terdapat dua pendapat berhubung dengan kedudukan arak dan babi. Abu Hanifah beranggapan bahawa kedua-duanya sebagai harta 'Mutaqawwim' tapi jumhur ulama' (selain daripada Mazhab Hanafi) tidak menganggapnya sedemikian.

Sementara dua kesan hukum terhadap pembahagian ini adalah:

- a) Semua jenis kontrak yang berhubung dengan harta seperti kontrak jual beli, sewaan, hibah, wasiat, gadaian dan syarikat adalah disyaratkan sah kontrak tersebut jika ianya adalah harta 'Mutaqawwin'. Kiranya ia bukan harta 'Mutaqawwim', kontrak menjadi batal.
- b) Apabila seseorang telah merosakkan sejenis harta, 'ghairul-mutaqqawwim' seperti arak dan babi, tidak wajib diganti dengan syarat pemiliknya adalah orang Islam. Mengikut Jumhur Fuqaha', jika pemiliknya adalah 'ahl al-dhimmah' maka tidak wajib menggantikannya tapi Abu Hanifah mewajibkannya.

Jenis pembahagian ketiga terdiri daripada:

- a) Harta 'Mithli', iaitu barangan yang tergolong dalam kumpulan yang ada persamaan di antaranya di pasaran semasa urus niaga, sama ada ia dijual melalui timbangan, sukatan atau bilangan seperti emas.⁶
- b) Harta 'Qimi', iaitu barangan yang tergolong di dalam kumpulan yang berlainan dan biasanya barangan tersebut tidak dijual melalui salah satu dari tiga cara di atas. Ianya seperti tanah, rumah dan binatang.⁷

Kedua-dua harta di atas bersifat timbal balik yakni harta 'Qimi' boleh bertukar kepada harta 'Mithli' atau sebaliknya.⁸

Kesan hukum terhadap pembahagian di atas adalah seperti berikut:

- a) Harta 'Mithli' yang dirosakkan oleh seseorang hendaklah digantikan dengan jenis harta yang sama kecuali pada masa darurat seperti harta tersebut tiada di pasaran. Sedangkan harta 'qimi' yang telah dirosakkan hendaklah diganti dengan nilai harga barang tersebut.
- b) Harta 'Qimi' adalah tidak dianggap sebagai harta riba, khususnya yang berkaitan dengan amalan 'Riba al-Fadl'.⁹ Riba jenis ini adalah tertentu bagi harta 'mithli' sahaja, iaitu barang yang menggunakan sukatan atau timbangan.

Pembahagian keempat yang diiktiraf oleh Islam adalah berasas kepada harta 'real (real property) seperti:¹⁰

- a) 'Mamlukah', iaitu tanah yang dipegang dengan pemilikan sepenuhnya (absolute ownership). Di mana pemiliknya adalah berkebebasan untuk melakukan apa yang difikirkannya munasabah terhadap pemiliknya tersebut.
- b) 'Amirriyyah', iaitu kepunyaan negara. Ianya dikawal oleh negara atau pemilik berkuasa dan seseorang boleh mengerjakan tanah tersebut dengan syarat memohonnya kepada pihak berkuasa dan membayar sedikit pampasan.
- c) 'Matrukah', iaitu tanah awam. Ia biasanya terletak berdekatan dengan kawasan kediaman (penempatan) dan selalunya digunakan untuk tujuan seperti pembuangan sampah.
- d) 'Mawat', iaitu tanah terbiar. Ia biasanya terletak jauh dari kawasan kediaman (tempat di mana pekikan suara manusia tidak boleh didengar). Ianya tidak dipunyai oleh sesiapa dan pemilikan terhadapnya boleh dilakukan dengan mengerjakannya dengan kebenaran pihak berkuasa.

2. Konsep Harta Menurut Adat.

Harta dalam Adat Perpatih terbahagi kepada dua jenis harta iaitu harta pusaka (yang diwariskan) dan harta titik peluh (harta carian). Dan pada kebiasaannya, harta yang sering diperkatakan di dalam Adat Perpatih melibatkan harta tanah, dan perbincangan selalunya dikaitkan dengan harta pusaka.

Secara umumnya harta pusaka terbahagi kepada dua jenis:

- a) Harta pusaka benar. Iaitu harta kepunyaan suku dan terdiri dari tanah-tanah kampung, sawah, dusun buah-buahan dan rumah yang diwarisi dari ibu yang letaknya di atas tanah pusaka. Harta ini adalah kepunyaan waris dalam pengertian ahli suku.¹¹ Perkara ini telah disokong oleh Ahmad Ibrahim dalam bukunya yang berbunyi:

“ The fundamental principle of this adat (Perpatih) is tribal – the social unit is not the family but the tribe, and therefore all rules affecting persons tend to maintain the integrity of the tribe and all rules affecting property are designed to conserve the property in and for the tribe”.¹²

Seterusnya, dibolehkan juga seseorang menjual harta atau menggadaikannya dengan alasan-alasan yang konkrit (yang betul-betul mendesak) tetapi dihadkan kepada orang-orang di dalam perut dan sukunya sahaja.¹³

- b) Harta pusaka sendiri. Iaitu segala jenis harta yang diwarisi oleh anak daripada orang tuanya seperti barang-barang kemas.¹⁴

Juga di bawah Adat Perpatih, harta semasa perkahwinan terbahagi kepada tiga:

- a) Harta carian, iaitu yang dibawa oleh suami semasa perkahwinan.
- b) Harta pembawa, iaitu yang dibawa oleh suami semasa perkahwinan.
- c) Harta dapatan, iaitu yang dipunyai oleh isteri semasa perkahwinan.

Apabila berlaku perceraian antara suami isteri, harta carian dibahagi sama rata, harta pembawa kekal pada suami dan harta dapatan kekal pada isteri.

Secara umumnya, ada beberapa jenis undang-undang yang mengawal tanah Adat Perpatih. Antaranya ialah:

- a) Enakmen Pegangan Adat (The Customary Tenure Enactment) 1909 yang dipinda sebanyak dua kali iaitu pada tahun 1926 dan 1930. dengan wujudnya enakmen ini, maka pegawai-pegawai kerajaan (Pemungut Hasil Tanah Pusaka) di pejabat Daerah diberi kuasa untuk mengawal tanah adat pada masa pemindahan dan penjualan yakni hendaklah mengikut peraturan-peraturan yang di tetap dalam undang-undang Adat. Enakmen ini mengiktiraf dua jenis harta iaitu Tanah Pusaka Adat dan Harta Carian.
- b) Kanun Tanah Negara 1965. Tanah-tanah adat dilindungi di bawah Kawalan Peraturan Pusaka Kecil dan Kanun 1965 ini, khususnya berhubung dengan hak milik (pemilikan) tanah Naning sebagai Tanah Mukim. Walaupun peraturan Pusaka Kecil tidak menyediakan apa-apa peraturan khas berhubung Tanah Adat Naning, tapi melalui Akta Pindaan Kanun Tanah Negara (Hak Milik Pulau Pinang dan Melaka) 1965, secara jelas memperuntukkan bahawa Adat Perpatih dan Adat Naning hendaklah dilindungi.¹⁵

Di negeri-negeri yang mengamalkan Adat Temenggung, sistem pegangan adat Melayu meletakkan raja sebagai mempunyai hak ke atas tanah, manakala pengusaha tanah hanya mempunyai hak pemunya sahaja dan membayar cukai satu persepuluh kepada Raja.

Undang-undang yang mengawalnya terdiri daripada Enakmen Tanah Adat dan Enakmen Rizab Melayu. Enakmen Rizab Melayu menghadkan segala urusan niaga mengenai tanah tersebut dibolehkan hanya kepada orang Melayu. Namun demikian orang bukan Melayu dapat membeli tanah tersebut dengan adanya persetujuan Majlis Raja-Raja.¹⁶

Perbincangan lanjut tidak dapat diadakan di dalam bab ini kerana sebarang perbincangan mengenai harta dalam adat akan melibatkan secara langsung hal perwarisan, yang mana, ia akan dibincangkan secara lanjut dalam bab seterusnya.

Konsep Harta Menurut Undang-Undang Sipil

Harta dikenali sebagai 'real'¹⁷ di dalam undang-undang Inggeris yang lama yakni berkaitan dengan barang-barang khususnya tanah. Bagaimanapun, definisi harta itu sendiri bersifat subjektif dan dengan yang demikian terdapat kepelbagaian pendapat mengenainya.

Menurut Biswas, harta bermaksud sesuatu yang menjadi kepunyaan seseorang secara eksklusif daripada orang dan ianya boleh dijual beli.¹⁸

Walton Hamilton, pula menyatakan harta sebagai:

“an euphonious collocation of letters which serves as a general term for the miscellany of equities that persons hold in the commonwealth”.¹⁹

Tapi pengertian harta tersebut telah disempitkan, hanya meliputi benda-benda konkrit. Ini menyebabkan konsep harta itu disalah erti.

Kini, ia didefinisikan sebagai, hubungan antara manusia dengan benda. Oleh itu peraturan dan doktrin mengenai harta adalah merupakan sebahagian daripada proses di mana manusia menguasai, membahagi, mengguna dan mengubah dunia ini.

W. Friedman, menyokong kenyataan di atas dengan menyatakan:

“ In its widest sense, property denotes the exclusive relationship of a person or a group of persons to an object or complex of objects of material value”.²⁰

Oleh itu dapat disimpulkan bahawa harta di dalam undang-undang Sipil merangkumi bidang yang luas dan harta tersebut mesti dilihat sebagai sekumpulan hak-hak yang mana setiap satunya terikat kepada pola-pola kebudayaan.²¹

Bagaimanapun, tidak dapat dipastikan dengan jelas akan pengertian harta di Malaysia kerana tidak terdapat satu pengertian yang khusus dan tepat. Akan tetapi Perkara 13 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan dengan jelas akan hak individu (warganegara Malaysia) untuk memiliki harta.²²

Disebabkan tiada pengertian yang umum yang boleh dijadikan garis kepada semua pihak di Malaysia maka perkara ini tidak harus dianggap sebagai perkara remeh-temeh sahaja kerana ia akan melibatkan hak individu yang berkaitan. Bagaimanapun, pengertian harta di Malaysia perlu dilihat dari konteks masyarakat Malaysia itu sendiri, selari dengan nilai masyarakatnya. Sekurang-kurangnya sesuatu harus dilakukan terhadap 'Interpretation Act',²³ yakni dengan menambah di dalam Seksyen 3 untuk menerangkan apakah yang dimaksudkan dengan harta di Malaysia.²⁴

Ini seterusnya ditambah dengan ketiadaan kes-kes diputuskan di Malaysia yang mampu untuk mengatasi kesamaran itu. Kes-kes seperti United Malayan Banking Corporation lwn Official Receiver and Liquidator of Soon Hup Seng Sdn. Bhd. (in liquidation) & Anor²⁵ dan Tan Cheng Hock lwn Chan Thean Soo & Anor²⁶ tiada membincangkan dengan khusus akan pengertian harta, malah kedua-duanya dan

kes-kes yang selainnya lebih menyentuh kepada perbincangan mengenai 'real property'.

Kemungkinan kita terpaksa atau sudah mengambil konsep harta undang-undang Inggeris yang dibolehkan melalui Seksyen 3 Akta Undang-undang Sipil 1956 sebagai jalan penyelesaiannya seperti melalui kes-kes yang diputuskan atau undang-undang yang sedia wujud, di Malaysia Barat pemakaian Common Law England dan peraturan ekuiti yang ditadbirkan di England sehingga 7 April, 1956.

Kesimpulannya, adalah mengaibkan jika kita terus terpaksa menggunakan konsep Undang-Undang Inggeris sedangkan negara kita telah pun 32 tahun merdeka.

Secara umumnya, undang-undang Inggeris membahagikan harta itu sekurang-kurangnya kepada tiga:

- a) 'Real Property' atau 'Realty'. Ianya dimaksudkan sebagai harta tanah dan umumnya apa saja yang berada dan melekat kepadanya, atau lebih penting lagi, ia mengkhusus kepada kepentingan milik bebas (freehold interest).²⁷
- b) 'Personal Property' atau 'Personality' iaitu harta yang selain daripada harta tanah yang tidak bebas pemegangannya dan antara yang tergolong di dalamnya ialah kepentingan pemegangan pajakan (leasehold interest).²⁸
- c) 'Chattels Real' atau dikenali sebagai "Personal Chattel", iaitu berkaitan dengan benda boleh alih dan tiada apa-apa kaitan dengan harta tanah.²⁹

Harta-harta di atas dibahagikan pula kepada dua bentuk:

- a) Harta tak boleh alih. Ia adalah dari segi keadaan semula jadinya atau objek tidak boleh beralih secara sendiri atau dialihkan³⁰ (sesuatu yang melekat pada tanah atau benda lekat mati).³¹ ia biasanya melibatkan tanah, bangunan dan rumah.³²
- b) Harta boleh alih ialah harta yang boleh dialihkan yang termasuk barang-barang yang tumbuh, melekat atau boleh didapati atas tanah dan sebagainya.³³ Bagaimanapun, ia boleh bertukar menjadi harta tak boleh alih apabila sifatnya berubah seperti ia telah dilekatkan di tanah atau bangunan dan menjadi harta tanah atau benda lekat mati.³⁴

Kemudiannya, pengaruh undang-undang Roman telah menyebabkan benda terbahagi kepada dua pula:

- a) 'Corporeal' iaitu benda-benda yang boleh nampak dan boleh disentuh seperti tanah, bangunan, pokok dan lain-lain.³⁵
- b) 'Incorporeal', iaitu yang tak boleh disentuh. Selalunya melibatkan hak-hak di sisi undang-undang dan yang penting adalah hak ismen³⁶ dan faedah-faedahnya.

Oleh sebab itu, konsep harta undang-undang Inggeris amat mementingkan kepunyaan (title), yang mengandungi elemen-elemen seperti:

- a) Hak membuat perkara fizikal terhadap harta tersebut.
- b) Hak terhadap pendapatan daripadanya seperti wang.
- c) Hak pentadbiran.

Oleh kerana itu ia selalunya melibatkan hal-hal yang berkait dengan 'torts' dan undang-undang lain, kerana ia melibatkan hubungan antara kuasa undang-undang yang ada pada pemiliknya terhadap barangan tersebut.

Perbandingan.

Biarpun istilah harta (property) dalam undang-undang Inggeris/ Sivil sama dengan istilah 'mal' dalam undang-undang Islam namun dari segi konsepnya terdapat setengah-setengah objek yang dianggap harta di dalam undang-undang Inggeris/ Sivil sebaliknya tidak dianggap sebagai harta dalam undang-undang Islam.

Undang-undang Islam tidak menganggap sesuatu benda yang tidak mempunyai faedah sebagai harta, sekiranya benda-benda itu najis (kotor), yang diistilahkan oleh syarak sebagai najisum bi ainihi seperti arak, babi, bangkai binatang, tubuh orang mati dan darah manusia.³⁷ Benda-benda ini ditegah terhadap orang-orang Islam dan dianggap sebagai tidak mempunyai nilai harta. Tapi benda-benda tersebut tidak ditegah terhadap orang-orang bukan Islam dan mereka menganggapnya sebagai harta.³⁸

Pengertian 'Mal' di dalam undang-undang Islam adalah lebih sempit jika dibandingkan dengan pengertian harta dalam undang-undang Inggeris/ Sivil. Pengertian harta dalam undang-undang Inggeris/ Sivil diguna dalam pengertian yang amat luas tapi pengertian 'Mal' dalam undang-undang Islam hanya untuk benda yang boleh dilihat dan disentuh sahaja. Ini dapat dilihat dalam tulisan Anwar Ahmad Qadri:

“ A thing to become a property, the attributes of it must be in existence. It must have some value as a thing, the benefit of which is permitted by law with the capability of possession and similar capability of being hold in rasure”.³⁹

Umumnya, Fuqaha' Islam telah menggariskan dua syarat untuk sesuatu barang tersebut memenuhi istilah 'Mal':

- a) Ianya boleh disimpan dan dikumpul (di hak milikkan).
- b) Ianya boleh diambil faedah dan memberi manfaat.

Konsep harta tanah menurut undang-undang Adat adalah berbeza berlainan dengan konsep tanah Undang-Undang Inggeris/ Sivil. Dr. Abdullah Siddik telah menggariskan sekurang-kurangnya tiga perbezaan asas.⁴⁰

Pertama:

Menurut undang-undang Inggeris semua tanah yang tidak dimiliki oleh seseorang adalah kepunyaan negara dan negaralah yang berkuasa penuh ke atasnya. Sedangkan menurut adat, tanah tersebut adalah milik bersama masyarakat. Konsep kepunyaan negara dalam undang-undang Inggeris ini adalah bersamaan dengan konsep harta 'amirriyyah' di dalam undang-undang Islam, yang membolehkan tanah dikerjakan dengan kebenaran pihak berkuasa. Prinsip ini terpakai kepada undang-undang Islam dan Inggeris. Sedangkan tanah di dalam lingkungan masyarakat adat dipunyai bersama oleh anggotanya secara kolektif.⁴¹ Konsep ini membolehkan masyarakat adat tersebut menikmati faedah daripadanya seperti memungut hasil tani, sekadar pengumpulan bagi tujuan berniaga adalah dilarang. Konsep adalah seakan-akan sama dengan konsep pemilikan bersama di bawah undang-undang Islam terhadap semua jenis barang-barang yang tidak dimiliki oleh sesiapa pun, seperti tanah 'mawat' atau harta lain iaitu 'mubahat' atau 'ras nullius' dalam undang-undang Inggeris.

Kedua:

Undang-undang Inggeris/ Sivil telah membahagikan harta kepada harta boleh alih (movable property) dan harta tak boleh alih (immovable property). Pembahagian ini membawa kepada perbezaan pengertian pemunya (possession) dan pengertian milik (ownership) yang mengakibatkan pula perbezaan dalam cara penyerahannya (delivery) dan cara pembuktiannya. Akan tetapi tidaklah demikian halnya dengan sistem undang-undang adat mengenai harta. Ia tidak kenal akan pembahagian ini.

Dalam hal ini nampaknya, undang-undang Islam itu mempunyai persamaan dengan undang-undang Inggeris/ Sivil di mana harta di dalam undang-undang Islam dibahagikan kepada dua iaitu harta boleh alih (manqul) dan harta tak boleh alih (ghairul-manqul). Tetapi kedua-dua undang-undang itu berbeza dalam menentukan beberapa jenis barang sebagai harta boleh alih seperti arak, daging babi dan seumpamanya, di mana Islam tidak mengiktirafnya sebagai harta.

Ketiga:

Undang-undang Inggeris/ Sivil mengenai tanah menggunakan sistem 'vertikal', iaitu tanah merangkumi semua yang terikat padanya.⁴² Oleh itu, apa yang dimaksudkan dengan tanah bukan sahaja apa yang terletak di atas tanah itu, tapi juga apa yang melekat kepadanya seperti bangunan, pokok-pokok dan sebagainya.

Sedangkan sistem undang-undang tanah adat ditinjau dari segi sistem undang-undang tanah Inggeris/ Sivil adalah sistem 'horizontal', iaitu suatu hak milik di mana tanah dengan segala apa yang ada di atasnya dipisahkan. Jadi, menurut undang-undang tanah adat, perpisahan antara tanah dengan segala apa yang terikat kuat dengan tanah seperti bangunan atau pokok-pokok dan sebagainya tetap wujud.⁴³

Nota Rujukan

1. Badran Abu Al-kainyn Badran, Tarikh al-Figh al-Islami wa Nazariyah al-Mulkiyah, Dar al-Nahdah al-Arabiyyah, Konsep Undang-Undang Tanah Islam, Pendekatan Perbandingan, al-Rahmaniah, Kuala Lumpur, 1987, hal. 97.
2. Anwar Ahmad Qadri, Islamic Jurisprudence In The Modern World, Sh. Muhammad Ashraf, Lahore, 1981, hal. 314.
3. Ibid, hal. 314.
4. Badran Abu Al-Kainayn Badran, Tarikh al-Figh al-Islami Wa Nazariyah al-Milkiyah, hal. 284, di petik dari Mohd Ridzuan Awang, Konsep Undang-Undang Tanah Islam. Pendekatan Perbandingan, op. cit, hal. 103.
5. Bagaimana, terdapat pengecualian terhadap pemakaian am prinsip ini di mana dalam keadaan darurat seperti tersangat lapar atau haus yang boleh menyebabkan kematian dan tidak ada benda lain kecuali arak dan daging babi maka boleh dinikmati faedahnya. Pada ketika itu diharuskan bagi orang-orang Islam memakannya sekadar untuk menahan diri daripada mati (Al-Maidah:3).
6. Abd. Rahim M.A. The Principles of Muhammadan Jurisprudence According To Hanafi, Maliki, Shafie and Hambali Scgools. All Pakistan Legal Divisions, Lahore, 1911, hal. 268.
7. Ibid, hal. 269.
8. Umpamanya, harta "mithli" boleh bertukar menjadi harta "Qimi" melalui percampuran di antara dua jenis harta "Mithli" atau harta "Qimi" boleh bertukar menjadi harta "Mithli" dengan bantuan sains dan teknologi seperti perusahaan kilang.
9. Iaitu yang mewajibkan dua jenis barang yang ditukar itu sama banyak, sekiranya barang yang ditukar itu daripada jenis yang sama.
10. Anwar Ahmad Qadri, Islamic Jurisprudence In The Modern World, op. cit, hal. 314-315.
11. Mohd Ridzuan Awang, Konsep Undang-Undang Tanah Islam, Pendekatan Perbandingan, op. cit, hal. 114.
12. Ahmad Ibrahim, edited by Shirley Gordon, Islamic Law In Malaya, Malaysian Sociological Research Institute Ltd, Kuala Lumpur, 1975, hal. 257.
13. Dr. Abdullah Siddik, Pengantar Undang-Undang Adat di Malaysia, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1975, hal. 158.
14. Ibid, hal. 147.

15. Seksyen 99, Pindaan Kanun Tanah Negara (Hak milik Pulau Pinang dan Melaka) 1965, memperuntukkan:
-pemegang-pemegang tanah adat akan terus dianggap sebagai mempunyai hak pendudukan yang kekal dan dapat pindah di atas tanah adatnya....
 - Di dalam pelaksanaan kanun Tanah Negara berhubung dengan Tanah Adat.....
 - Daftar tanah adat Melaka akan dianggap sebagai daftar Mukim dalam erti kata kanun ini, dengan syarat bahagian ini (bahagian viii) akan mengatasi kanun berhubung dengan ke tidak suaianya.
16. Judith Sihombing, National Land Code, A Commentary, Malayan Law Journal, Kuala Lumpur, 1981.
17. 'Real' merupakan perkataan Latin iaitu 'res' yang bermaksud sejenis barang atau benda. Rujuk Sir Robert Mergary and H.W.R Wade, The Law of Real Property, 5th Ed, Stevens & Sons Ltd, London, 1984, hal. 10.
18. Dr. A.R Biswas, Biswas On Encyclopedia Law Dictionary, Eastern Law House Pte Ltd, Calcutta, 1979, hal. 597.
19. Walton Hamilton, Property, Encyclopedia Of The Social Sciences, Mac Millan, New York, 1933, hal. 528.
20. W. Friedman, Dictionary Of The History Of Ideas, Scribners, New York, 1973, dipetik dari Peter Hollowel, Property/ And Social Relations, Heineman, London, 1982, hal. 1.
21. R.T. Ely, Property and Contract In Their Relations To The Distributions Of Wealth, Mac Millan, London, 1914, Vol. I, Bab 3.
22. Perkara 13 Perlembagaan Persekutuan:
"Rights to property
a) No person shall be deprived of property save in accordance with law.
b) No law shall provide for the compulsory acquisition or use of property without adequate compensation."
23. Interpretation Act (Act 23) (Consolidated and Revised 1989) 1967.
24. Seksyen 3 Akta 23, 1967 ini hanya menerangkan apa yang dimaksudkan sebagai harta boleh alih dan harta tak boleh alih.
25. [1986] 1 MLJ 75.
26. [1987] 2 MLJ 479.
27. Henry Campbell Black, Black's Law Dictionary, West Publishing Co. 1979, hal. 1096.
28. L.B. Curzon, A Dictionary of Law, Macdonald and Evans, London 1979, hal. 253.

29. Henry Campbell Black, *Black's Law Dictionary*, op. cit, hal. 215.
30. Ibid, hal. 676.
31. Dalam kes *The Shell Company Of The Federation of Malaya Lt lwn Commissioner of The Federal of Kuala Lumpur*, (1964) 30 MLJ 302, Hakim Ong di halaman 304 menyatakan, lekat mati (fixtures) bermaksud apa saja yang melekat pada tanah dan membentuk sebahagian dari tanah.
32. Dalam kes *Kiah Bt. Hanapiah lwn Som Bt. Hanapiah*, (1953) 19MLJ 82, Hakim Besar Matthew di halaman 82 menyatakan bahawa rumah orang-orang Melayu yang terletak di atas tiang dan tidak ditanam ke dalam tanah sudah lama diakui sebagai harta alih. Sementara Hakim Besar Sir Charles Murray-Ansley di halaman 83, menyatakan ia sebagai satu pengecualian kepada konsep undang-undang tanah Inggeris berkenaan lekat mati.
33. Henry Campbell Black, *Black's Law Dictionary*, op. cit, hal. 1096.
34. Mohd Ridzuan Awang, *Konsep Undang-undang Tanah Islam, Pendekatan Perbandingan*, op. cit. hal. 97.
35. Henry Campbell Black, *Black's Law Dictionary*, op. cit, hal. 310. Sir Robert Megary and H.W.R. Wade, *The Law of Real Property*, op. cit, hal. 11.
36. Ismen adalah hak yang diberi oleh pemilik tanah (proprietor of the servant land) kepada pemilik tanah utama (proprietor of the dominant land) untuk kegunaan pemilik tanah utama tersebut. Untuk pembacaan lanjut, sila rujuk Teo Keang Good, *Khaw Lake Tea, Land and Co (Asia) Pte. Ltd*, 1987, hal. 463.
37. Sila lihat Surah Al-Maidah ayat 463.
38. Abd. Rahim M.A, *The Principles of Mohammadan Jurisprudence According To Hanafi, Syafie and Hambali Schools*, op. cit, hal. 264.
39. Anwar Ahmad Qadri, *Islamic Jurisprudence In The Modern World*, op. cit, hal. 313.
40. Dr. Abdullah Siddik, *Pengantar Undang-Undang Adat di Malaysia*, op. cit, hal. 62-63.
41. Ibid, hal. 63.
42. Iaitu prinsip benda lekat mati (fixtures) di dalam undang-undang Inggeris yang diistilahkan dalam bahasa Latin: 'quiquid plantatur solo, solo credit'. Ia berasal daripada sistem undang-undang Roman.
43. Dr. Abdullah Sididik, *Pengantar Undang-Undang Adat di Malaysia*, op. cit, hal. 65-66.

Senarai Rujukan

Buku

A.Monif Yaakob, Sejarah Perundangan Islam, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, 1988.

Abdullah Siddik, Dr. Pengantar Undang-Undang Adat Di Malaysia, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 1975.

Abdul Rahim M.A. The Principles of Muhammadan Jurisprudence According To Hanafi, Maliki, Shafie And Hambali Schools. Lahore: All Pakistan Legal Decisions, 1975.

Abdul Rashid Hj Abdul Latiff. Hukum Pusaka Dalam Islam, Satu Kajian Perbandingan. Shah Alam: Penerbitan Hizbi, 1987.

Ahmad Amin, Dr. Fajar Islam. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kementerian Pelajaran Malaysia, 1980.

Ahmad Ibrahim. Islamic Law In Malaya. Kuala Lumpur: Malaysian Sociological Research Institute Ltd, 1975.

Shafie Law. Singapore: Malayan Law Journal Pte. Ltd, 1976.

Amir Syariffuddin, Dr. Pelaksanaan Hukum Kewarisan Islam Dalam Lingkungan Adat Minangkabau. Jakarta: Gunung Agung, 1984.

A.R. Biswas, Dr. Biswas Encyclopedia Law Dictionary. Calcutta: Debooks Eastern Law House, 1979.

Black, Henry Campbell. Black's Law Dictionary. St. Paul Minn: West Publishing Co, 1979.

Curzon L.B. A Dictionary Of Law. London: Macdonald And Evans, 1979.

Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kementerian Pelajaran Malaysia. Kamus Dwibahasa Inggeris-Bahasa Malaysia. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kementerian Pelajaran Malaysia, 1985.

Elias, A. Elias & Ed. E. Elias. Elias' Modern Dictionary, Arabic-English. Cairo: Elias' Modern Publishing House & Co. 1986.

Ely. R.T. Property And Contract In Their Relations to The Distributions of Wealth. London: Mac Millan, 1914.

H. Abdullah Siddik S.H. Dr. hukum Waris Islam Dan Perkembangannya Di Seluruh Dunia Islam. Jakarta: Penerbitan Widjaya, 1984.

Hailsham of St. Marylebone, Lord. *Halbury's Laws of England*. London: Butterworth's, 1975.

Hamilton, Walton. *Property, Encyclopedia of The Social Sciences*. New York: Mac Millan, 1933.

Hollowell, Peter. *Property And Social Relations*. London: Heneman, 1982.

Hooker, M.B. *Adat And Islam In Malaya, Malaya Law Review Legal Essays*. Kuala Lumpur: Malaya Law Review, 1975.

Hooker, M.B. *Islamic Law In South East-Asia*. Oxford: Oxford University Press, 1984.

Ismail Hamid. *Masyarakat Dan Budaya Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, 1988.

Jamal J. Nasir. *The Islamic Law Of Personal Status*. London: Graham & Trotman, 1986.

K. Ali M.A. Prof. *A Study Of Islamic History*. Calcutta: Mullick Brothers, 1974.

K.J. Aiyer's. *Manual Of Law Terms And Phrases*. Allahabad: Law Book Co. 1973.

Lewis, Bernard. *The Arabs In History*. London: Hutchinson University Library, 1970.

Lloyd, P.C. *Yoruba Land Law*. London:....., 1962.

Mahiudin Abu Zakaria Yahya Ibn Sharif En-Nawawi. *Minhaj Et-Taliban*. Lahore: Law Publishing Co. 1977.

Mergary, Robert, Sir And H.W.R. wade. *The Law Of Real Property*. London: Stevens & Sons Ltd, 1984.

Mohd Ridzuan Awang, *Konsep Undang-Undang Tanah Islam, Pendekatan Perbandingan*. Kuala Lumpur: Al-Rahmaniah, 1987.

Mohd Sanusi B. Hj. Mahmood, Hj. *Undang-Undang Keluarga Dalam Islam*. Kota Bharu, Kelantan: Dian Darul Nain Sdn. Bhd. 1984.

Mokhtar b. Hj. Mohd Dom, Hj. *Adat Perpatih Dan Adat Istiadat Masyarakat Malaysia*. Kuala Lumpur: Federal Publications, 1977.

Osborn P.G. *A Concise Law Dictionary*. London: Sweet & Maxwell, 1983.

Othman Ishak. *Hubungan Antara Undang-Undang Islam Dengan Undang-Undang Adat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kementerian Pelajaran Malaysia, 1982.

Sihombing, Judith. National Land Code, A Commentary. Kuala Lumpur: Malayan Law Journal, 1981.

Sood, Teo Keang, Khaw Lake Tee. Land Law In Malaysia Cases And Commentary. Singapore: Butterworth's And Co. (Asia) Pte. Ltd. 1981.

Syed Khalid Rashid. Muslim Law. Lucknow: Eastern Book Co. 1979.

Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian Al-Quran. Sheikh Abdullah Basmeih. Kuala Lumpur: Bahagian Agama, Jabatan Perdana Menteri, 1985.

Jurnal

Manring T.A. "National Integration And Legal Systems: Malaysia". Malaya Law Review, 20 (1968), hal. 29-54.

Md. Akhir Bin Hj. Yaakob. "Harta Sepencarian". Jurnal Hukum, (Muharram 1405/ September 1984), hal. 36-60.

Minnattur, Joseph. "The Nature Of Malay Customary Law". Malaya Law Review, 6 (1964), hal. 327-352.

Mohd Din bin Ali, hj. "Malay Customary Law/ Family". Intisari, II (1963).

Salleh Abbas, Tun. "Perlaksanaan Undang-Undang Islam Di Malaysia". Jurnal Hukum, (Rejab 1404/ April 1984), hal. 143-148.

Taylor En.N. "Customary Law Of Rembau", Journal Of Malayan Branch Royal Asiatic Society, VII (1928), hal. 1-289.

Akhbar

Berita Minggu, Ahad 28 Januari, 1990.

Kertas Kerja Seminar

Hj. Taha Abdul Kadir, Prof. Madya. "Dilema Yang Wujud Dalam Masyarakat Adat Perpatih". Kertas Kerja Seminar Adat Perpatih, Universeiti Kebangsaan Malaysia, (17-18 September 1988).